- (iii) Mengambil kira pelbagai aras kognitif
- (iv) Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- (v) Mengambil kira pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari oleh murid dan mentaksir sejauh mana mereka fahami.

PS merupakan antara satu komponen utama dalam PdP kerana ia berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam PdP. PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula dengan perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan hingga pelaporan. PS penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha membentuk insan yang harmonis dan seimbang. PS merupakan aktiviti berterusan yang menuntut komitmen yang tinggi, dan hala tuju yang jelas di pihak guru dan sekolah untuk memperkembangkan potensi MBK ke tahap tertinggi mengikut keupayaan masing-masing. PS mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) Holistik iaitu mampu memberi maklumat menyeluruh tentang penguasaan, pengetahuan, kemahiran, dan pengamalan nilai murni;
- (ii) Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP;
- (iii) Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid; dan
- (iv) Merujuk Standard Prestasi (SPi) yang dibina berdasarkan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP).

Pentaksiran bagi setiap kelompok SK boleh dijalankan dengan menggunakan SPi sebagai skala rujukan guru bagi menentukan tahap penguasaan MBK pada SK yang ditetapkan.

SPi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Guru boleh membuat pertimbangan

profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan pengalaman bersama murid dan perbincangan profesional. Jadual 3 dan 4 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan.

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Umum Pendidikan Jasmani Tingkatan 3.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid boleh meniru atau melakukan kemahiran asas, kemahiran pergerakan atau aktiviti kecergasan fizikal yang ditunjukkan atau tahu perkara asas tentang sesuatu kemahiran yang akan dilakukan.
2	Murid boleh melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti kecergasan fizikal serta menyatakan pengetahuan berkaitan fakta, konsep dan prosedur bagi sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan.
3	Murid boleh mengingat semula dan mengaplikasikan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, prinsip, prosedur, strategi, teknik dan maklumat semasa melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan.
4	Murid boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, prinsip, prosedur, strategi, teknik dan maklumat semasa melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan dengan turutan yang betul atau mengikut prosedur yang sistematik.
5	Murid boleh merancang sesuatu aktiviti yang baharu atau mengimprovisasi berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari untuk meningkatkan penguasaan kemahiran dan tahap kecergasan fizikal, melakukan aktiviti tersebut secara tekal dan mempamerkan kemahiran interpersonal (kemahiran insaniah).
6	Murid boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran, kecergasan dan mempamerkan kemahiran interpersonal serta boleh mempraktikkan kemahiran tersebut ke arah gaya hidup sihat untuk kesejahteraan.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Umum Pendidikan Kesihatan Tingkatan 3.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui asas kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, dan persekitaran.
2	Memahami aspek kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, dan persekitaran.
3	Mengaplikasi kemahiran mengurus kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, persekitaran dan keselamatan diri.
4	Menganalisis aspek kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, persekitaran dan keselamatan diri serta keluarga.
5	Menilai cara mengurus kesihatan ke arah kehidupan yang positif dan sihat melalui kemahiran kecekapan psikososial.
6	Menjana idea untuk mengadaptasi permintaan dan cabaran kehidupan harian, meningkatkan literasi kesihatan, serta mengamalkan gaya hidup sihat.

ORGANISASI KANDUNGAN

Pelaksanaan bagi kurikulum KSSM Pendidikan Khas Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuatkuasa sekarang. Mata pelajaran ini memberi penekanan kepada empat komponen pengetahuan iaitu:

1. Pendidikan Jasmani
 - (i) Bidang Kemahiran
 - (ii) Bidang Kecergasan
2. Pendidikan Kesihatan
 - (i) Kesihatan Diri dan Reproduksi
 - (ii) Penyalahgunaan Bahan
 - (iii) Pengurusan Mental dan Emosi
 - (iv) Kekeluargaan
 - (v) Perhubungan
 - (vi) Penyakit
 - (vii) Keselamatan
 - (viii) Pemakanan
 - (ix) Pertolongan Cemas

Bagi tujuan PdP dalam Pendidikan Jasmani Modul Kemahiran, guru menggunakan Aspek 1, Aspek 2 dan Aspek 5 secara

serentak. Manakala untuk pengajaran Modul Kecergasan, guru menggunakan Aspek 3, Aspek 4 dan Aspek 5 secara serentak.

Pendidikan Jasmani terdiri daripada domain psikomotor, afektif dan kognitif seperti berikut:

Aspek 1 : Kemahiran Pergerakan (Psikomotor)

Murid menguasai pelbagai corak pergerakan dan kemahiran motor yang diperlukan untuk melakukan pelbagai aktiviti fizikal melalui:

1. Gimnastik asas.
2. Pergerakan berirama.
3. Kemahiran asas permainan kategori serangan, dan memadam.
4. Olahraga asas yang melibatkan kemahiran asas lumba jalan kaki, lompat jauh dan merejam lembing.
5. Rekreasi dan kesenggangan.

Aspek 2 : Aplikasi Pengetahuan Dalam Pergerakan (Kognitif)

Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan mengenai konsep, prinsip dan strategi pergerakan dalam pembelajaran serta mengembangkan kemahiran motor dalam melaksanakan aktiviti fizikal yang melibatkan:

1. Gimnastik asas.
2. Pergerakan berirama.
3. Permainan:
 - (i) Kategori serangan yang melibatkan bola keranjang, atau hoki.
 - (ii) Kategori memadam yang melibatkan Sofbol dan Petanque.
4. Olahraga asas yang melibatkan kemahiran asas lari berpagar, lompat kijang dan lempar cakera.
5. Rekreasi dan kesenggangan.

Aspek 3 : Kecergasan Meningkatkan Kesihatan (Psikomotor)

Murid berkeupayaan meningkatkan dan mengekalkan tahap kecergasan untuk kesihatan dan prestasi fizikal yang melibatkan:-

1. Konsep kecergasan.
2. Komponen kecergasan berasaskan kesihatan iaitu kapasiti aerobik, kelenturan, kekuatan dan daya tahan otot, dan komposisi badan.
3. Pentaksiran kecergasan melalui ujian SEGAK

Aspek 4 : Aplikasi Pengetahuan Meningkatkan Kecergasan. (Kognitif)

Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan berkaitan konsep, prinsip dan strategi meningkatkan kecergasan untuk kesihatan dan prestasi fizikal yang melibatkan:

1. Konsep kecergasan.
2. Komponen kecergasan berasaskan kesihatan iaitu kapasiti aerobik, kelenturan, kekuatan dan daya tahan otot, dan komposisi badan.
3. Pentaksiran kecergasan melalui ujian SEGAK

Aspek 5: Kesukanan (Afektif)

Murid berkeupayaan mengukuhkan amalan Pendidikan Jasmani menerusi elemen keselamatan, konsep, sosiologi dan psikologi, prinsip dan strategi untuk melakukan aktiviti fizikal dengan berkesan yang melibatkan:-

1. Pengurusan dan keselamatan.
2. Tanggungjawab sendiri.
3. Interaksi sosial.
4. Dinamika kumpulan.
5. Etika dalam sukan.

Organisasi KSSM Komponen Pendidikan Kesihatan disusun mengikut tiga elemen utama iaitu:

1. Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS)

Elemen ini menekankan aspek kesihatan diri dan reproduktif, penyalahgunaan bahan, kemahiran pengurusan mental dan emosi, kekeluargaan, perhubungan, pencegahan penyakit, dan keselamatan.

2. Pemakanan

Elemen ini menekankan aspek pemakanan yang seimbang, amalan makan secara sihat, penyediaan hidangan, keselamatan dan kualiti makanan.

3. Pertolongan Cemas

Elemen ini menekankan aspek pertolongan cemas untuk menyelamatkan nyawa, mengelakkan kecederaan menjadi lebih parah dan mengurangkan kesakitan sebelum bantuan rawatan perubatan seterusnya diberi kepada mangsa.

Jadual 5 di bawah menunjukkan komponen kemahiran dan kecergasan dalam Pendidikan Jasmani serta komponen-komponen dalam Pendidikan Kesihatan.

Jadual 5: Organisasi Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan

Pendidikan Jasmani	Kemahiran	Gimnastik Asas	
		Pergerakan Berirama	
		Kemahiran Asas Permainan – Kategori Serangan (Pilih Satu Sahaja)	Bola Keranjang
			Hoki
		Kemahiran Asas Permainan – Kategori Memadang	Sofbol
			Petanque
	Kecergasan	Olahraga Asas	
Rekreasi dan Kesenggangan			
Pendidikan Kesihatan	Kecergasan Fizikal Berdasarkan Kesihatan		
	Kesihatan Diri dan Reproduktif		
	Penyalahgunaan Bahan		
	Pengurusan Mental dan Emosi		
	Kekeluargaan		
	Perhubungan		
	Penyakit		
	Keselamatan		
	Pemakanan		
	Pertolongan Cemas		

Kandungan kurikulum ini disusun di bawah lajur Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dicapai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Jadual 6 di bawah memberikan tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 6: Organisasi DSKP

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p>Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.</p>

KOMPONEN PENDIDIKAN JASMANI

BIDANG KEMAHIRAN

GIMNASTIK ASAS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)	
<p>Kemahiran Gimnastrada</p> <p>1.1 Melakukan rangkaian kemahiran asas gimnastik dalam gimnastrada.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Melakukan senaman lantai dengan menggunakan kemahiran gerak edar dan imbangan secara berkumpulan.</p> <p>1.1.2 Melakukan senaman lantai dengan menggunakan kemahiran gerak edar, imbangan dan putaran secara berkumpulan.</p> <p>1.1.3 Melakukan senaman lantai dengan menggunakan kemahiran gerak edar, imbangan, putaran dan hambur secara berkumpulan.</p> <p>1.1.4 Melakukan senaman lantai dengan menggunakan kemahiran gerak edar, imbangan, putar dan hambur secara berkumpulan dengan menggunakan peralatan (apparatus).</p>
ASPEK 2: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)	
<p>Aplikasi Pengetahuan dalam Kemahiran Gimnastrada</p> <p>2.1 Mengaplikasikan pengetahuan konsep pergerakan semasa melakukan rangkaian kemahiran asas gimnastik dalam gimnastrada.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Menyatakan konsep pergerakan yang sesuai digunakan semasa melakukan senaman lantai.</p> <p>2.1.2 Menyatakan aktiviti senaman lantai yang sesuai untuk gerak edar, imbangan, putaran dan hambur dengan menggunakan peralatan.</p>

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)			
5.1	<p>Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Menguruskan peralatan sebelum, semasa dan selepas melakukan suatu aktiviti.</p> <p>5.1.2 Menggunakan peralatan dengan selamat mengikut fungsian yang sesuai semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.1.3 Melakukan suatu aktiviti di ruang atau kawasan yang ditetapkan.</p>	
5.2	<p>Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.</p>	<p>5.2.1 Memupuk semangat berpasukan sepanjang suatu aktiviti dilakukan.</p> <p>5.2.2 Mengamalkan sikap bertanggungjawab semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.3 Mengamalkan sikap hormat-menghormati dikalangan rakan sebaya.</p> <p>5.2.4 Menyahut cabaran dan seronok semasa melakukan aktiviti.</p>	
5.3	<p>Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.</p>	<p>5.3.1 Boleh berkomunikasi secara sopan dengan ahli kumpulan untuk melaksanakan aktiviti.</p> <p>5.3.2 Menghargai sumbangan yang diberi oleh setiap ahli kumpulan.</p>	
5.4	<p>Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.</p>	<p>5.4.1 Menerima peranan ahli-ahli kumpulan semasa melibatkan diri dalam suatu aktiviti.</p> <p>5.4.2 Menerima perbezaan individu dalam kumpulan semasa melibatkan diri dalam aktiviti.</p> <p>5.4.3 Mengamalkan sifat-sifat kepimpinan dalam kumpulan yang kecil atau besar sepanjang aktiviti dilakukan.</p> <p>5.4.4 Memberikan motivasi membina secara berterusan kepada rakan-rakan demi kepentingan semua pihak.</p>	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
Etika dalam kumpulan 5.5 Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	Murid boleh: 5.5.1 Menyahut cabaran, meraikan kemenangan dan menerima kekalahan secara positif. 5.5.2 Mematuhi peraturan asas suatu permainan yang dimainkan. 5.5.3 Mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi semasa melakukan aktiviti.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran gerak edar,imbangan, putaran dan hambur secara berkumpulan dengan menggunakan peralatan (apparatus).
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan dan menyatakan tentang kemahiran gerak edar,imbangan, putaran dan hambur secara berkumpulan dengan menggunakan peralatan (apparatus). • Boleh menggunakan peralatan semasa menjalankan aktiviti dengan selamat.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan kemahiran gerak edar,imbangan, putaran dan hambur secara berkumpulan dengan menggunakan peralatan (apparatus). • Boleh menerangkan kegunaan setiap peralatan yang digunakan untuk melakukan aktiviti.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan rutin senaman lantai menggunakan kemahiran gerak edar,imbangan, putaran dan hambur secara berkumpulan dengan menggunakan peralatan (apparatus). • Boleh mencipta suatu aktiviti yang sesuai dengan menggunakan peralatan dan muzik.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan persembahan menggunakan kemahiran gerak edar,imbangan, putaran dan hambur secara berkumpulan dengan menggunakan peralatan (apparatus) dan bantuan muzik • Boleh menyusun, mengabung atau mengubah aktiviti yang sesuai dengan kesesuaian dan kehendak murid seperti yang telah dirangka.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membuat justifikasi berdasarkan persembahan senaman lantai yang telah direka dengan menggunakan peralatan (apparatus) dan bantuan muzik. • Boleh berkomunikasi dengan ahli kumpulan semasa melakukan suatu aktiviti. • Boleh melakukan suatu aktiviti untuk meningkatkan kecergasan fizikal seseorang individu.

PERGERAKAN BERIRAMA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)	
<p>Pergerakan Berirama</p> <p>1.2 Melakukan pelbagai corak pergerakan mengikut muzik.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.2.1 Melakukan langkah tarian tradisional pelbagai kaum di Malaysia dengan iringan muzik.</p>
ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)	
<p>Aplikasi Konsep Pergerakan Berirama</p> <p>2.2 Mengaplikasikan pengetahuan konsep pergerakan dalam pergerakan berirama.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.2.1 Menyatakan pergerakan lokomotor, bukan lokomotor dan konsep pergerakan yang digunakan dalam tarian yang dilakukan.</p>
ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
<p>Pengurusan dan Keselamatan</p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p> <p>Tanggungjawab sendiri</p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Menguruskan peralatan sebelum, semasa dan selepas melakukan suatu aktiviti.</p> <p>5.1.2 Menggunakan peralatan dengan selamat mengikut fungsian yang sesuai semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.1.3 Melakukan suatu aktiviti di ruang atau kawasan yang ditetapkan.</p> <p>5.2.1 Memupuk semangat berpasukan sepanjang suatu aktiviti dilakukan.</p> <p>5.2.2 Mengamalkan sikap bertanggungjawab semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.3 Mengamalkan sikap hormat-menghormati dikalangan rakan sebaya.</p> <p>5.2.4 Menyahut cabaran dan seronok semasa melakukan aktiviti.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Boleh berkomunikasi secara sopan dengan ahli kumpulan untuk melaksanakan aktiviti. 5.3.2 Menghargai sumbangan yang diberi oleh setiap ahli kumpulan.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Menerima peranan ahli-ahli kumpulan semasa melibatkan diri dalam suatu aktiviti. 5.4.2 Menerima perbezaan individu dalam kumpulan semasa melibatkan diri dalam aktiviti. 5.4.3 Mengamalkan sifat-sifat kepimpinan dalam kumpulan yang kecil atau besar sepanjang aktiviti dilakukan. 5.4.4 Memberikan motivasi membina secara berterusan kepada rakan-rakan demi kepentingan semua pihak. Murid boleh:
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menyahut cabaran, meraikan kemenangan dan menerima kekalahan secara positif. 5.5.2 Mematuhi peraturan asas suatu permainan yang dimainkan. 5.5.3 Mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi semasa melakukan aktiviti.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN STANDARD PRESTASI
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan langkah tarian tradisional yang ditunjukkan mengikut muzik yang didengar.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh menyenaraikan pergerakan lokomotor, bukan lokomotor, konsep pergerakan yang sesuai dengan tema yang digunakan semasa tarian.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan pergerakan lokomotor, bukan lokomotor dan konsep pergerakan dengan tema yang digunakan semasa tarian.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan tarian tradisional dengan lakuan yang betul dan seragam mengikut muzik yang didengar. • Boleh mengaplikasikan pergerakan lokomotor, bukan lokomotor dan konsep pergerakan dengan tema yang digunakan semasa tarian.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh berkomunikasi dengan ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti. • Boleh melakukan tarian tradisional dengan lakuan yang betul dan seragam mengikut muzik yang didengar. • Boleh mengaplikasikan pergerakan lokomotor, bukan lokomotor dan konsep pergerakan dengan tema yang digunakan semasa tarian.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan tarian tradisional dengan lakuan yang betul dan seragam mengikut muzik yang didengar. • Boleh membentuk kumpulan dan bekerjasama dengan ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti pergerakan berirama. • Boleh mempraktikkan kemahiran pergerakan berirama bagi meningkatkan kecergasan fizikal.

KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – BOLA KERANJANG (KATEGORI SERANGAN)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)	
<p>1.3 Kemahiran Asas Bola Keranjang Melakukan kemahiran asas bola keranjang dengan lakuan yang betul.</p>	<p>Murid boleh :</p> <p>1.3.1 Melakukan pelbagai kemahiran menghantar bola ke sasaran dalam situasi permainan.</p> <p>1.3.2 Melakukan kemahiran menerima bola dalam situasi permainan.</p> <p>1.3.3 Melakukan kemahiran menggelecek bola dalam situasi permainan.</p> <p>1.3.4 Melakukan kemahiran menjaring sebelah tangan (<i>one-hand shot</i>) dan menjaring melompat (<i>jump shot</i>) dalam situasi permainan.</p> <p>1.3.5 Melakukan kemahiran menghadang dalam situasi permainan.</p>
ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)	
<p>2.3 Aplikasi Pengetahuan Dalam Kemahiran Asas Bola Keranjang Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran asas bola keranjang.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.3.1 Menjelaskan penggunaan daya semasa menghantar bola ke pelbagai arah dan kelajuan.</p> <p>2.3.2 Menjelaskan lakuan serap daya semasa menerima bola.</p> <p>2.3.3 Menerangkan peranan pandangan periferi (<i>peripheral vision</i>) dalam kawalan bola semasa menggelecek dalam situasi permainan.</p> <p>2.3.4 Memilih dan membuat justifikasi kemahiran menjaring yang sesuai berdasarkan situasi permainan semasa serangan.</p> <p>2.3.5 Menerangkan cara menghadang yang sesuai berdasarkan situasi permainan.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Menguruskan peralatan sebelum, semasa dan selepas melakukan suatu aktiviti. 5.1.2 Menggunakan peralatan dengan selamat mengikut fungsian yang sesuai semasa melakukan aktiviti. 5.1.3 Melakukan suatu aktiviti di ruang atau kawasan yang ditetapkan.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Memupuk semangat berpasukan sepanjang suatu aktiviti dilakukan. 5.2.2 Mengamalkan sikap bertanggungjawab semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mengamalkan sikap hormat-menghormati dikalangan rakan sebaya. 5.2.4 Menyahut cabaran dan seronok semasa melakukan aktiviti.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Boleh berkomunikasi secara sopan dengan ahli kumpulan untuk melaksanakan aktiviti. 5.3.2 Menghargai sumbangan yang diberi oleh setiap ahli kumpulan.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Menerima peranan ahli-ahli kumpulan semasa melibatkan diri dalam suatu aktiviti. 5.4.2 Menerima perbezaan individu dalam kumpulan semasa melibatkan diri dalam aktiviti. 5.4.3 Mengamalkan sifat-sifat kepimpinan dalam kumpulan yang kecil atau besar sepanjang aktiviti dilakukan. 5.4.4 Memberikan motivasi membina secara berterusan kepada rakan-rakan demi kepentingan semua pihak.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>5.5.1 Menyahut cabaran, meraikan kemenangan dan menerima kekalahan secara positif.</p> <p>5.5.2 Mematuhi peraturan asas suatu permainan yang dimainkan.</p> <p>5.5.3 Mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi semasa melakukan aktiviti.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN STANDARD PRESTASI
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran menghantar, menerima, menggelecek, mengadang dan menjaring sebelah tangan.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan pelbagai kemahiran menghantar bola dengan sebelah tangan dan kedua-dua belah tangan ke pelbagai arah dan kelajuan serta dan boleh menyatakan penggunaan daya semasa menghantar bola. • Boleh menerima bola dari pelbagai arah dan menyatakan lakuan serap daya. • Boleh menggelecek menggunakan tangan kanan dan kiri dalam situasi permainan serta menerangkan peranan pandangan periferi.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan pengetahuan penggunaan dan semasa menghantar bola ke pelbagai arah dan kelajuan serap daya semasa menerima bola dalam situasi permainan. • Boleh menggunakan pandangan periferi untuk mengawal bola semasa menggelecek dalam situasi permainan. • Boleh menggelecek menggunakan tangan kanan dan kiri dalam situasi permainan serta menerangkan peranan pandangan periferi. • Boleh melakukan kemahiran menjaring sebelah tangan dan menjaring melompat dalam situasi permainan serta membuat justifikasi kemahiran menjaring yang sesuai berdasarkan situasi permainan.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan pengetahuan penggunaan daya dan serap daya semasa melakukan kemahiran menghantar bola, menangkap bola, menggelecek, menjaring sebelah tangan dan menjaring melompat dengan lakuan yang betul serta mengadang dalam situasi permainan.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh merancang dan menggunakan strategi yang sesuai untuk menyerang dan bertahan dengan menggunakan kemahiran bola keranjang dalam situasi permainan. • Boleh mengaplikasikan etika dalam sukan semasa bermain permainan bola keranjang.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi melakukan serangan dan untuk meningkatkan prestasi dalam situasi permainan bola keranjang. • Boleh menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa bermain bola keranjang. • Boleh bermain bola keranjang untuk meningkatkan kecergasan fizikal sebagai amalan gaya hidup sihat.

KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – HOKI (KATEGORI SERANGAN)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)	
<p>Kemahiran Asas Hoki</p> <p>1.4 Melakukan kemahiran asas hoki dengan lakuan yang betul.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.4.1 Melakukan pelbagai kemahiran menghantar bola ke sasaran yang melibatkan memukul, menolak dan mencedok (<i>scoop</i>) dalam situasi permainan.</p> <p>1.4.2 Melakukan kemahiran menerima bola secara tepat dan kilas (<i>reverse stick</i>) dalam situasi permainan.</p> <p>1.4.3 Melakukan kemahiran menggelecek bola yang melibatkan menggelecek rapat, menggelecek longgar dan menggelecek Indian (<i>Indian dribble</i>) dalam situasi permainan.</p> <p>1.4.4 Melakukan pelbagai kemahiran menghantar untuk menjaring dalam situasi permainan.</p> <p>1.4.5 Melakukan kemahiran menjaga gawang dengan pelbagai cara dalam situasi permainan.</p>
ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)	
<p>Aplikasi Pengetahuan Dalam Kemahiran Asas Hoki</p> <p>2.4 Mengaplikasikan pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas hoki.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.4.1 Menjelaskan perbezaan kedudukan tangan pada kayu hoki semasa melakukan pelbagai kemahiran menghantar bola.</p> <p>2.4.2 Menjelaskan lakuan serap daya semasa melakukan kemahiran menerima bola.</p> <p>2.4.3 Memilih kemahiran menggelecek bola yang sesuai berdasarkan situasi permainan.</p> <p>2.4.4 Mengenalpasti kemahiran menjaring yang sesuai berdasarkan situasi permainan.</p> <p>2.4.5 Menerangkan cara yang sesuai menjaga gawang berdasarkan situasi permainan.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Menguruskan peralatan sebelum, semasa dan selepas melakukan suatu aktiviti. 5.1.2 Menggunakan peralatan dengan selamat mengikut fungsian yang sesuai semasa melakukan aktiviti. 5.1.3 Melakukan suatu aktiviti di ruang atau kawasan yang ditetapkan.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Memupuk semangat berpasukan sepanjang suatu aktiviti dilakukan. 5.2.2 Mengamalkan sikap bertanggungjawab semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mengamalkan sikap hormat-menghormati dikalangan rakan sebaya. 5.2.4 Menyahut cabaran dan seronok semasa melakukan aktiviti.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Boleh berkomunikasi secara sopan dengan ahli kumpulan untuk melaksanakan aktiviti. 5.3.2 Menghargai sumbangan yang diberi oleh setiap ahli kumpulan.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Menerima peranan ahli-ahli kumpulan semasa melibatkan diri dalam suatu aktiviti. 5.4.2 Menerima perbezaan individu dalam kumpulan semasa melibatkan diri dalam aktiviti. 5.4.3 Mengamalkan sifat-sifat kepimpinan dalam kumpulan yang kecil atau besar sepanjang aktiviti dilakukan. 5.4.4 Memberikan motivasi membina secara berterusan kepada rakan-rakan demi kepentingan semua pihak.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>5.5.1 Menyahut cabaran, meraikan kemenangan dan menerima kekalahan secara positif.</p> <p>5.5.2 Mematuhi peraturan asas suatu permainan yang dimainkan.</p> <p>5.5.3 Mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi semasa melakukan aktiviti.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN STANDARD PRESTASI
1	<ul style="list-style-type: none"> Boleh melakukan kemahiran menghantar, menerima, menggelecek dan menjaring bola serta kemahiran menjaga gawang dalam situasi permainan.
2	<ul style="list-style-type: none"> Boleh menghantar dan menjaring bola menggunakan kemahiran menolak dan memukul dalam situasi permainan serta boleh menyatakan kedudukan tangan pada kayu hoki untuk menolak dan memukul. Boleh melakukan kemahiran menerima bola secara tepat dalam situasi permainan dan menerangkan lakuan serap daya untuk menerima bola tepat. Boleh melakukan kemahiran menggelecek longgar dan rapat dalam situasi permainan.
3	<ul style="list-style-type: none"> Boleh mengaplikasikan kedudukan tangan pada kayu hoki untuk menolak, memukul dan mencedok semasa menghantar dan menjaring bola dalam situasi permainan. Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan serap daya semasa melakukan kemahiran menerima bola secara tepat dan kilas dalam situasi permainan. Boleh melakukan kemahiran menggelecek longgar, rapat dan India dalam situasi permainan. Boleh melakukan kemahiran menjaga gawang dengan pelbagai cara dalam situasi permainan dan menerangkan cara yang sesuai menjaga gawang.
4	<ul style="list-style-type: none"> Boleh menolak, memukul dan mencedok semasa menghantar dan menjaring bola dengan lakuan yang betul dalam situasi permainan. Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan serap daya semasa melakukan kemahiran menerima bola secara tepat dan kilas dengan lakuan yang betul dalam situasi permainan. Boleh melakukan kemahiran menggelecek longgar, rapat dan India dengan lakuan yang betul serta sesuai dengan situasi permainan. Boleh mengaplikasikan konsep ruang semasa melakukan kemahiran menjaga gawang dalam situasi permainan.
5	<ul style="list-style-type: none"> Boleh merancang dan menggunakan strategi yang sesuai untuk menyerang dan bertahan dengan menggunakan kemahiran hoki dalam situasi permainan. Boleh mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan semasa bermain hoki.
6	<ul style="list-style-type: none"> Boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi menyerang dan bertahan serta penambahbaikan untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran hoki dalam situasi permainan. Boleh mengaplikasi etika dalam sukan semasa bermain hoki. Boleh bermain hoki untuk meningkatkan kecergasan fizikal sebagai amalan gaya hidup sihat.

KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – SOFBOL (KATEGORI MEMADANG)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)	
<p>Kemahiran Asas Sofbol</p> <p>1.6 Melakukan kemahiran asas sofbol dengan lakuan yang betul.</p>	<p>Murid boleh :</p> <p>1.6.1 Melakukan kemahiran memadam yang melibatkan kemahiran membaling dan menangkap pelbagai aras dan arah dalam situasi permainan.</p> <p>1.6.2 Melakukan kemahiran memukul bola dalam situasi permainan.</p> <p>1.6.3 Melakukan kemahiran menampar bola dalam situasi permainan.</p> <p>1.6.4 Melakukan kemahiran larian tapak berdasarkan situasi permainan.</p> <p>1.6.5 Melakukan kemahiran melempar dalam situasi permainan.</p>
ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)	
<p>Aplikasi Pengetahuan Dalam Kemahiran Asas Sofbol</p> <p>2.6 Mengaplikasikan pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas sofbol.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.6.1 Menjelaskan perkaitan antara penggunaan daya dengan kelajuan bola yang dibaling semasa memadam.</p> <p>2.6.2 Menerangkan perbezaan antara menangkap bola tinggi dengan bola leret semasa memadam.</p> <p>2.6.3 Menjelaskan perbezaan antara lakuan memukul bola dengan lakuan menampar bola.</p> <p>2.6.4 Menjelaskan perbezaan antara melempar menggunakan bawah tangan dengan lakuan putaran.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
<p>5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p> <p>5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Menguruskan peralatan sebelum, semasa dan selepas melakukan suatu aktiviti.</p> <p>5.1.2 Menggunakan peralatan dengan selamat mengikut fungsian yang sesuai semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.1.3 Melakukan suatu aktiviti di ruang atau kawasan yang ditetapkan.</p> <p>5.2.1 Memupuk semangat berpasukan sepanjang suatu aktiviti dilakukan.</p> <p>5.2.2 Mengamalkan sikap bertanggungjawab semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.3 Mengamalkan sikap hormat-menghormati dikalangan rakan sebaya.</p> <p>5.2.4 Menyahut cabaran dan seronok semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.1 Boleh berkomunikasi secara sopan dengan ahli kumpulan untuk melaksanakan aktiviti.</p> <p>5.3.2 Menghargai sumbangan yang diberi oleh setiap ahli kumpulan.</p> <p>5.4.1 Menerima peranan ahli-ahli kumpulan semasa melibatkan diri dalam suatu aktiviti.</p> <p>5.4.2 Menerima perbezaan individu dalam kumpulan semasa melibatkan diri dalam aktiviti.</p> <p>5.4.3 Mengamalkan sifat-sifat kepimpinan dalam kumpulan yang kecil atau besar sepanjang aktiviti dilakukan.</p> <p>5.4.4 Memberikan motivasi membina secara berterusan kepada rakan-rakan demi kepentingan semua pihak.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	Murid boleh: 5.5.1 Menyahut cabaran, meraikan kemenangan dan menerima kekalahan secara positif. 5.5.2 Mematuhi peraturan asas suatu permainan yang dimainkan. 5.5.3 Mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi semasa melakukan aktiviti.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN STANDARD PRESTASI
1	<ul style="list-style-type: none"> Boleh melakukan kemahiran memadam yang melibatkan kemahiran menangkap dan membalik bola pada pelbagai arah dan aras.
2	<ul style="list-style-type: none"> Boleh melakukan kemahiran menangkap dan membalik bola serta menjelaskan perkaitan penggunaan daya dengan kelajuan bola yang dibaling semasa memadam dalam situasi permainan. Boleh melakukan larian tapak berdasarkan situasi permainan serta menyatakan cara larian ke tapak pertama dengan larian antara tapak. Boleh melakukan kemahiran memukul, menampar, melempar bawah tangan dan melempar lakuan putaran dalam situasi permainan serta menyatakan cara lakuan kemahiran tersebut.
3	<ul style="list-style-type: none"> Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan penggunaan daya semasa membalik bola pada pelbagai kelajuan serta membezakan cara menangkap bola leret dengan bola tinggi dalam situasi permainan. Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan cara memukul, menampar, melempar bawah tangan dan melempar cara putaran dalam situasi permainan. Boleh membezakan larian tapak semasa melakukan larian tapak pertama dengan larian antara tapak dalam situasi permainan.
4	<ul style="list-style-type: none"> Boleh mengaplikasikan penggunaan daya semasa membalik bola pada pelbagai kelajuan serta membezakan cara menangkap bola leret dengan bola tinggi dengan lakuan yang betul dalam situasi. Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan cara memukul, menampar, melempar bawah tangan dan melempar cara putaran dengan lakuan yang betul dalam situasi permainan. Boleh melakukan larian ke tapak pertama dan larian antara tapak dengan lakuan yang betul dalam situasi permainan.
5	<ul style="list-style-type: none"> Boleh merancang dan menggunakan strategi yang sesuai untuk memukul dan memadam dengan menggunakan kemahiran softball dalam permainan kecil. Boleh mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan semasa bermain softball.
6	<ul style="list-style-type: none"> Boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi memukul dan memadam serta penambahbaikan untuk meningkatkan kemahiran softball dalam situasi permainan. Boleh berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa bermain softball. Boleh bermain softball untuk meningkatkan kecergasan fizikal sebagai amalan hidup sihat.

KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – PETANQUE (KATEGORI MEMADANG)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)	
<p>Kemahiran Asas Petanque</p> <p>1.7 Melakukan kemahiran asas Petanque dengan lakuan yang betul.</p>	<p>Murid boleh :</p> <p>1.7.1 Melakukan kemahiran memegang <i>boule</i> dalam situasi permainan.</p> <p>1.7.2 Melakukan kemahiran melontar <i>boule</i> secara leret (<i>roll</i>) dalam situasi permainan.</p> <p>1.7.3 Melakukan kemahiran melontar <i>boule</i> secara lambungan perlahan (<i>soft-lob</i>) dalam situasi permainan.</p>
ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)	
<p>Aplikasi Pengetahuan Dalam Kemahiran Asas Petanque</p> <p>2.7 Mengaplikasikan pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas Petanque.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.7.1 Menjelaskan cara memegang <i>boule</i> yang dilontar semasa memadang.</p> <p>2.7.2 Menerangkan perbezaan antara melontar <i>boule</i> secara leret (<i>roll</i>) dengan melontar <i>boule</i> secara lambungan perlahan (<i>soft-lob</i>) semasa memadang.</p>
ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
<p>Pengurusan dan Keselamatan</p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p> <p>Tanggungjawab sendiri</p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Menguruskan peralatan sebelum, semasa dan selepas melakukan suatu aktiviti.</p> <p>5.1.2 Menggunakan peralatan dengan selamat mengikut fungsian yang sesuai semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.1.3 Melakukan suatu aktiviti di ruang atau kawasan yang ditetapkan.</p> <p>5.2.1 Memupuk semangat berpasukan sepanjang suatu aktiviti dilakukan.</p> <p>5.2.2 Mengamalkan sikap bertanggungjawab semasa melakukan aktiviti.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.</p> <p>5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.</p>	<p>5.2.3 Mengamalkan sikap hormat-menghormati dikalangan rakan sebaya.</p> <p>5.2.4 Menyahut cabaran dan seronok semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.1 Boleh berkomunikasi secara sopan dengan ahli kumpulan untuk melaksanakan aktiviti.</p> <p>5.3.2 Menghargai sumbangan yang diberi oleh setiap ahli kumpulan.</p> <p>5.4.1 Menerima peranan ahli-ahli kumpulan semasa melibatkan diri dalam suatu aktiviti.</p> <p>5.4.2 Menerima perbezaan individu dalam kumpulan semasa melibatkan diri dalam aktiviti.</p> <p>5.4.3 Mengamalkan sifat-sifat kepimpinan dalam kumpulan yang kecil atau besar sepanjang aktiviti dilakukan.</p> <p>5.4.4 Memberikan motivasi membina secara berterusan kepada rakan-rakan demi kepentingan semua pihak.</p> <p>5.5.1 Menyahut cabaran, meraikan kemenangan dan menerima kekalahan secara positif.</p> <p>5.5.2 Mematuhi peraturan asas suatu permainan yang dimainkan.</p> <p>5.5.3 Mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi semasa melakukan aktiviti.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN STANDARD PRESTASI
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran memegang <i>boule</i> dengan betul.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran memegang <i>boule</i> dengan betul dan menjelaskan cara memegang <i>boule</i> semasa memadang.
